

TARIKH	23 / 6 / 2015	SEKSYEN	Forum
MUKA SURAT	25	RUANGAN	

Tabung Haji: Mengapa perlu jual?

ISU pembelian tanah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) oleh Tabung Haji menarik perhatian semua pihak terutamanya umat Islam yang rata-rata mereka pendeposit teramai dalam Tabung Haji yang menyimpan bertujuan untuk pengurusan menunaikan haji.

Tabung Haji badan berkanun yang diamanahkan mengurus wang disimpan pendeposit dengan baik dan menjana keuntungan melalui pelaburan yang bertujuan membantu pemberian subsidi dan kemudahan kepada jemaah haji semasa di Arab Saudi.

Aktiviti pelaburan ini adalah salah satu teras Tabung Haji untuk mendapatkan pulangan yang mematuhi syariat yang seterusnya digunakan untuk semula bagi menjana kemudahan asas jemaah semasa menunaikan haji.

Antaranya fasiliti diberikan ialah pengangkutan, penginapan, makan minum dan perubatan semasa mengerjakan haji.

Bagi saya yang merupakan penyimpan atau pendeposit di Tabung Haji berpendapat, adalah tidak wajar sekiranya tanah yang telah dibeli Tabung Haji dijual semula atas alasan tidak dapat menanggung

fitnah dan tomahan yang melampau.

Seperti yang kita sedia maklum, tanah segi tiga emas di Kuala Lumpur merupakan suatu lubuk emas tiada ternilai harganya.

Harga hartanah dari semasa ke semasa mempunyai nilai yang tinggi lebih-lebih lagi berada di lokasi yang menjadi rebutan ramai.

Tidak semua pihak berpeluang mempunyai tanah segi tiga emas di Kuala Lumpur dan apabila diberi peluang untuk memiliki tanah tersebut, seharusnya peluang tersebut tidak dilepaskan.

Bayangkan 10 tahun akan datang, pulangan yang diterima pasti lumayan sekiranya dilabur mengikut syariat Islam seperti pembinaan pangsapuri.

Tiada tanah yang semakin lama semakin menurun harganya, jadi tiada kesalahan untuk memiliki tanah itu walaupun dibeli daripada 1MDB.

Pembelian tanah itu sah dan mengikut syariah.

Urus niaga Tabung Haji tiada langsung mendatangkan kerugian kepada Tabung Haji malah pendeposit wang mereka masih kekal jumlah dan tidak berkurangan sedikit pun seperti mana jumlah yang disimpan sekarang.

Pembelian tanah tersebut telah diteliti risikonya dan ia dijangka membawa kebaikan kepada Tabung Haji dari sudut kewangan.

Apa yang menjadi isunya ialah persepsi masyarakat.

Ketepikan soal 1MDB, apa yang difokuskan sekarang adalah Tabung Haji perlu mempertahankan tanah segi tiga emas tersebut dan jangan dijual hanya kerana untuk menangkis persepsi negatif yang sedang berlaku sekarang.

Saya yakin ada banyak pihak yang sudah menawarkan harga yang lima kali ganda mahalnya daripada yang dibeli oleh Tabung Haji.

Tawaran lima kali ganda nilai itu hanya selepas beberapa minggu tanah itu dibeli, cuba bayangkan nilainya selepas bertahun-tahun. Sayanglah sekiranya ia tidak dimiliki oleh orang Melayu Islam sendiri yang bertujuan meningkatkan ekonomi Islam.

Pulangan pelaburan dan hasilnya bukannya dinikmati oleh para jemaah dari sudut kemudahan fasiliti dan subsidi haji?

Jadi mengapa perlu dijual?

NUR AZRENA MOHD HASHIM
Petaling Jaya, Selangor.